

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HGF 221 Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. (a) Apakah peranan perkara-perkara berikut di dalam imbangan bahangan bumi:
 - i. ozon (2.5 markah)
 - ii. karbon dioksida (2.5 markah)
 - iii. partikel habuk (2.5 markah)
 - iv. wap air (2.5 markah)
- (b) Bincangkan kepentingan litupan awan sebagai satu faktor yang menentukan keadaan iklim di permukaan bumi. (15 markah)
2. (a) Apakah kesan daya koriolis dan bagaimanakah ia mempengaruhi pola peredaran umum atmosfera? (15 markah)
- (b) Bincangkan mekanisma yang mempengaruhi pergerakan jisim udara ke atas. (10 markah)

.../2

3. (a) Nyatakan perbezaan di antara kadar tukaran suhu adiabatik dengan kadar tukaran suhu biasa. (5 markah)
- (b) Kenapakah terdapat perbezaan di antara kadar tukaran suhu adiabatik kering dengan kadar tukaran suhu adiabatik basah. (5 markah)
- (c) Huraikan bagaimana air boleh bertukar daripada satu bentuk fizikal kepada satu bentuk fizikal yang lain. Lengkapkan jawapan anda dengan gambar rajah yang sesuai. (15 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. (a) Apakah ciri-ciri asas sistem hakisan sungai? (5 markah)
- (b) Jelaskan Hukum Horton dan kaitannya dengan sistem bifurkasi sungai. (10 markah)
- (c) Bincangkan faktor-faktor yang mengawal pola ketumpatan saliran di sesuatu kawasan. (10 markah)
5. (a) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan tanah. (10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana aktiviti manusia sama ada secara langsung atau tidak langsung boleh menjejaskan kualiti sumber tanah. (15 markah)
6. (a) Bincangkan bagaimana guna tanah mempengaruhi susupan dan air larian permukaan. (15 markah)
- (b) Bagaimanakah corak dan jangkamasa hujan mempengaruhi jumlah lengasan yang diserap oleh tanah? (10 markah)

-ooooOOoooo-